

BAB TIGA

KAEDAH KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana berkesannya pelaksanaan PUM di MRSM. Kajian dijalankan dalam bentuk tinjauan (survey) kerana kaedah ini selalunya dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan pendapat daripada sekumpulan besar responden tentang sesuatu tajuk atau isu (Fraenkel, Jack, R 1996). Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat Robert L. Ebel (1972) yang mengatakan bahawa cara lebih baik untuk mengukur perubahan sikap individu secara umum ialah dengan bertanya individu tersebut untuk melapor apa yang dia percaya atau suka lakukan. Mengukur sikap selalunya berasaskan kepada laporan sendiri oleh subjek. (Robert L. Ebel, 1972) Tinjauan akan dijalankan terhadap kefahaman GPP mengenai cara pelaksanaan aktiviti PUM di MRSM di mana mereka sedang mengajar berpandukan kepada kursus GPP yang mereka hadiri dan langkah pelaksanaannya kepada pelajar yang terlibat. Seterusnya aspek kesediaan pelajar untuk melaksanakan aktiviti PUM serta faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PUM turut ditinjau. Metodologi kajian adalah merangkumi beberapa fasa seperti berikut

- (I) Pembinaan instrumen kajian.
- (ii) Pemilihan sampel kajian (sampel guru dan sampel pelajar.)
- (iii) Pentadbiran instrumen kajian ke atas sampel.
- (iv) Analisis data.

3.1 Pembinaan Instrumen Kajian

Kajian ini dilakukan secara tinjauan (survey) yang bertujuan untuk meninjau sejauh mana berkesannya pelaksanaan PUM di MRSM. Instrumen yang digunakan

dalam kajian ini terdiri daripada dua set borang soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Soal selidik pertama ialah soal selidik untuk guru dan soal selidik kedua ialah soal selidik untuk pelajar. Penggunaan soal selidik ini akan membolehkan penyelidik melihat taburan sampel mengikut item yang terdapat dalam borang soal selidik. Soal selidik digunakan dalam kajian ini kerana mengikut Babbie (1983), ia menyediakan cara untuk memperolehi maklumat tentang aspek yang hendak dikaji di kalangan suatu populasi yang besar. Kandungan instrumen kajian untuk guru dan untuk pelajar adalah seperti berikut:

3.1.1 Instrumen Kajian Untuk Guru

Instrumen kajian ke atas guru adalah berbentuk soal selidik. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada responden dan kandungan soal selidik tersebut adalah seperti berikut

Soal Selidik Guru:

Soal selidik guru mengandungi enam bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D, E, F dan G. Bahagian A terdiri daripada item soalan yang berkaitan dengan latar belakang peribadi sampel kajian, bahagian B terdiri daripada soalan berkaitan dengan pengetahuan sampel kajian tentang PUM, bahagian C mengandungi soalan berkait dengan pendapat GPP tentang pelajar PUM sebelum pelajar dibimbing, bahagian D mengandungi soalan tentang pendapat sampel kajian tentang pelajar PUM yang telah menerima bimbingan mereka, bahagian E mengandungi soalan tentang pendapat GPP terhadap PUM secara keseluruhannya, bahagian F mengandungi soalan tentang sokongan pihak lain dalam menjayakan PUM dan bahagian G mengandungi soalan tentang cadangan sampel kajian untuk memperbaiki lagi keberkesanan pelaksanaan

PUM.. Sebanyak 60 item soalan telah dikemukakan dalam soalselidik guru yang menggunakan Skala Likert 5 point 1 hingga 5 iaitu

1. Sangat Tidak Setuju.
2. Tidak setuju
3. Tidak Pasti
4. Setuju
5. Sangat Setuju.

3.1.2 Instrumen Kajian Untuk Pelajar

Instrumen kajian untuk pelajar juga terdiri daripada satu set soal selidik.

Kandungan soal selidik untuk pelajar adalah seperti berikut

Soal Selidik Untuk Pelajar

Soal selidik untuk pelajar dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu Bahagian A mengandungi item soalan yang berkaitan dengan maklumat diri dan latar belakang sampel kajian. Soalan yang dikemukakan adalah tentang gender, lokasi MRSM di mana sampel kajian sedang belajar, aliran pengajian sampel kajian, kelulusan akademik sampel kajian semasa mereka memohon memasuki MRSM dan pencapaian akademik sampel kajian dalam semester pertama (peringkat permulaan sampel kajian terlibat dalam PUM) dan pencapaian akademik sampel kajian dalam peperiksaan semester kedua (selepas selesai mengikuti aktiviti PUM). Di dalam bahagian B pula item soalan yang dikemukakan adalah berupa kenyataan yang berkaitan dengan kefahaman pelajar tentang PUM, bahagian C mengandungi soalan berkait dengan pendapat sampel kajian tentang diri mereka sebelum melibatkan diri dalam PUM, bahagian D mengandungi soalan pendapat sampel kajian tentang diri mereka selepas selesai melibatkan diri dalam PUM, bahagian E mengandungi soalan tentang

AS11932984

pendapat umum sampel kajian tentang kesan penyertaan mereka dalam PUM, bahagian F mengandungi soalan tentang sokongan pihak lain dalam pelaksanaan PUM dan bahagian G mengandungi soalan berkait dengan cadangan/pandangan sampel kajian untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM. Sebanyak 48 soalan perlu dijawab oleh sampel kajian dengan menggunakan skala Likert 5 point 1 hingga 5 seperti mana Soalselidik Untuk Guru.

3.2 Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah MRSM iaitu 3 buah MRSM Zon Utara (Utara Semenanjung Malaysia) dan 1 buah MRSM Zon Timur (Timur Semenanjung Malaysia). Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 11 orang GPP yang membimbing PUM pada tahun 2001 di MRSM berkenaan. dan 120 orang pelajar tingkatan empat aliran sains yang terlibat dalam PUM tahun 2001 di MRSM-MRSM berkenaan.

3.2.1 Sampel Guru

Taburan sampel kajian dikalangan GPP mengikut bidang pengajaran mereka di MRSM adalah terdiri daripada 18.2% (2) guru yang mengajar bidang sains, 9.1% (1) guru yang mengajar bidang bahasa, 9.1% (1) guru yang mengajar bidang matematik dan 63.6% (7) guru yang mengajar bidang sains sosial. Bidang pengajaran guru yang ada kaitan dengan kandungan PUM akan membantu guru untuk menjadi GPP yang berkesan. Contohnya guru Prinsip Akaun akan dapat membimbing pelajar secara berkesan dalam penyediaan akaun syarikat PUM. Begitu juga dengan guru Pendidikan Seni akan dapat membimbing pelajar dengan lebih berkesan berbanding dengan guru dari bidang lain dalam aspek melatih pelajar PUM untuk menjadi lebih kreatif.

Tinjauan dari segi pengalaman mengajar para GPP pula memperlihatkan bahawa kebanyakan GPP di MRSM berkenaan mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun.. Pengalaman mengajar bagi seseorang guru adalah sangat penting dalam menentukan kebolehan seseorang guru tersebut menyampaikan kepada pelajarinya sesuatu perkara baru dengan berkesan. Berdasarkan taburan jumlah waktu mengajar seminggu bagi sampel kajian didapati lebih ramai GPP di MRSM mempunyai jumlah waktu mengajar piawai seminggu iaitu antara 20 hingga 25 waktu seminggu. Jumlah waktu mengajar seseorang guru dalam masa seminggu akan menentukan sejauh mana seseorang guru tersebut mempunyai masa yang mencukupi bagi diperuntukkan kepada pembimbingan aktiviti PUM.

Seterusnya tinjauan dibuat ke atas lokasi MRSM di mana pelajar sedang belajar. Lokasi MRSM dikelaskan kepada dua kategori iaitu di luar bandar dan berhampiran dengan bandar. Dua buah MRSM yang menjadi lokasi kajian di kategorikan sebagai MRSM luar Bandar ialah MRSM – YT, Besut, Terengganu dan MRSM Beseri, Perlis. Sementara dua buah MRSM lagi dikategorikan sebagai MRSM berhampiran dengan bandar iaitu MRSM Langkawi, Kedah dan MRSM Taiping, Perak. Berdasarkan kategori yang dinyatakan tersebut maka seramai 60 sampel pelajar adalah terdiri daripada pelajar luar bandar iaitu 30 orang pelajar MRSM – YT, Besut dan 30 orang pelajar MRSM Beseri, Perlis. Manakala selebihnya dikategorikan sebagai pelajar bandar iaitu seramai 60 orang yang terdiri daripada 30 orang pelajar MRSM Langkawi, Kedah dan 30 orang pelajar dari MRSM Taiping, Perak.

3.2.2 Sampel Pelajar

Sampel kajian dikalangan pelajar adalah terdiri daripada pelajar tingkatan empat aliran sains MRSM. Namun demikian aliran pengajian mereka di MRSM yang

berbeza juga mempunyai kesan ke atas hasil kajian. Contohnya pelajar dari jurusan pengajian Sains Gunaan (mempelajari subjek Prinsip Akaun) akan dapat mengurus kewangan syarikat PUM dengan lebih baik berbanding dengan pelajar dari jurusan Sains Tulen (mempelajari subjek Biologi). Sampel pelajar untuk kajian ini terdiri daripada 85.8 % (103) pelajar aliran sains tulen dan 14.2 % (17) pelajar dari aliran sains gunaan. Sementara dari segi gender pula sebanyak 9.1 % (47) pelajar lelaki dan 60.9 % (73) pelajar perempuan. dari jurusan pengajian Sains Tulen dan hanya 19.3% (49) pelajar dari jurusan Sains Gunaan.

3.3 Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis (pilot test) telah dijalankan di sebuah MRSM yang tidak terlibat dengan kajian sebenar. Kajian rintis tersebut telah dijalankan ke atas 5 orang guru di sebuah MRSM di Zon Selatan (Selatan Semenanjung Malaysia) yang pernah menjadi GPP di MRSMnya dan 30 orang pelajar tingkatan empat aliran sains pada akhir pengajian pelajar di tingkatan empat di MRSM berkenaan (November 2001). Kajian rintis ini dibuat bertujuan untuk menentukan kesahan item soal selidik untuk guru dan pelajar. Penentuan kesahan instrumen kajian dilakukan dengan meminta kerjasama seorang pensyarah Universiti Putra Malaysia yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PUM. Beliau telah diminta untuk menentukan sama ada item soal selidik tersebut bertepatan dengan pelaksanaan PUM. Adalah didapati bahawa semua item yang dicadangkan adalah bersesuaian dengan kajian ke atas PUM.

3.4 Kajian Sebenar

Soal selidik ditadbir pada minggu kedua bulan Januari 2002 Iaitu sebaik sahaja sesi pengajian 2002 bermula. Guru dan pelajar berkenaan telah menamatkan

PUM mereka pada bulan Oktober 2001. Soal selidik ditadbir tiga bulan selepas tamat PUM kerana pada bulan November pelajar sibuk menduduki peperiksaan semester kedua dan kurang sesuai untuk diganggu. Pada bulan Disember pula guru dan pelajar yang menjadi sampel kajian bercuti panjang dan mereka hanya memulakan sesi persekolahan 2002 pada minggu kedua bulan Januari 2002

Soal selidik telah ditadbir sendiri oleh pengkaji di setiap MRSM yang terlibat sebagai lokasi kajian. Sebelum soal selidik diedarkan kepada semua responden yang mengambil bahagian, pengkaji terlebih dahulu menerangkan tentang cara untuk memberikan respon terhadap item dalam soal selidik berkenaan. Tempoh masa untuk memberi respon kepada soal selidik oleh responden ialah antara 20 hingga 25 minit bagi soal selidik untuk guru dan antara 15 hingga 20 minit untuk soal selidik pelajar. Responden tidak dibenarkan berinteraksi dengan rakannya yang lain semasa memberi respon terhadap soal selidik tersebut.

Sebelum analisis dijalankan, pengkodan item Soalselidik Guru dan Soal selidik Pelajar telah dilakukan. Item- dalam bahagian A hingga bahagian F untuk soalselidik guru dan bahagian A hingga H soalselidik pelajar telah dikodkan kepada bilangan skala tertentu bergantung kepada bilangan pilihan jawapan yang disediakan. Misalnya jika sesuatu item itu mempunyai lima pilihan jawapan maka pilihan jawapan pertama dikodkan dengan angka 1, jawapan kedua dikodkan sebagai angka 2 dan pilihan jawapan kelima dikodkan dengan angka 5.

Semua item untuk kedua-dua soal selidik tersebut mempunyai 5 skala iaitu Amat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Amat Setuju. Skala ini telah dikodkan semula menjadi 3 skala sahaja iaitu Tidak Setuju (gabungan Amat Tidak Setuju dengan Tidak Setuju), Tidak Pasti dan Setuju (gabungan antara Setuju dengan Amat Setuju). Tidak Setuju telah dikodkan dengan angka 1, Tidak Pasti dikodkan

dengan angka 2 dan Setuju dikodkan sebagai angka 3. Analisis ke atas dapatan soal selidik yang sebenar turut menyentuh kebolehpercayaan instrumen kajian. Soal Selidik Guru, kebolehpercayaan alfa terpiawai ialah 0.8957. Manakala bagi instrumen Soal Selidik Pelajar, pekali kebolehpercayaan alfa terpiawai ialah 0.9028.

3.5 Sesi Temubual.

Selepas mentadbir soal selidik, pengkaji juga telah mengadakan temubual secara rambang beberapa orang pelajar, guru pembimbing dan juga pentadbir MRSM. Ini bertujuan untuk menyemak kembali sama ada respon yang diberi dalam soal selidik adalah menyamai dengan apa yang dijawab secara lisan oleh responden. Bagi sampel pelajar, pengkaji cuba mendapatkan penerangan mengenai pengalaman pelajar semasa mereka menyertai PUM. Mereka juga ditanya tentang aspek yang berjaya menarik minat mereka untuk menyertai PUM. Seterusnya pengkaji cuba mendapatkan pandangan dan cadangan pelajar jika pelaksanaan PUM ingin di mantapkan lagi.

Dalam sesi temubual dengan guru pembimbing pula, pengkaji cuba meninjau apakah bentuk bantuan yang telah mereka berikan kepada pelajar dalam menjayakan aktiviti PUM di mana mereka menjadi pembimbing. GPP juga diminta menyatakan apakah aspek yang menjadikan PUM menarik kepada pelajar. Seterusnya mereka juga diminta memberikan cadangan dan pandangan bagaimanakah pelaksanaan PUM boleh dipertingkatkan lagi.

Pada akhirnya pengkaji juga turut menemubual pentadbir MRSM berkenaan (pengetua dan penolong pengetua) tentang sejauh manakah mereka telah memberikan bantuan dan sokongan dalam pelaksanaan PUM di MRSM yang mereka tadbir. Pandangan dan cadangan daripada para pentadbir tersebut akan membolehkan pengkaji mengenalpasti sama ada pelaksanaan PUM di MRSM menghadapi masalah atau halangan tertentu atau pun dilaksanakan dengan cukup berkesan.


3.6 Kaedah Analisis Data

Data yang telah diperolehi daripada soal selidik guru dan soal selidik pelajar ini dianalisis dengan menggunakan perisian *:The Statitical Package for Social Science Ver. 9"*. Huraian tentang perkara yang dikaji adalah berbentuk statistik deskriptif dan inferensi melibatkan taburan peratus dan ujian statistik tertentu. Bagi item dalam soal selidik guru dan soal selidik pelajar, analisis ke atas data dilakukan dengan mengubah skala Likert daripada 5 skala kepada 3 skala sahaja. Skala 1 (Tidak Setuju) adalah gabungan antara Amat Tidak Setuju dengan Tidak Setuju, Kedua-dua skala ini digabungkan kerana maksud Sangat Tidak Setuju dan Tidak Setuju memberi gambaran yang hampir sama iaitu kedua-duanya membawa maksud yang sama iaitu konsep Tidak Setuju. Skala 2 adalah Tidak Pasti dan skala 3 adalah Setuju iaitu gabungan antara Setuju dengan Amat Setuju. Kedua-dua skala Setuju dan Amat Setuju digabungkan kerana kedua-duanya memberikan maksud yang hampir sama iaitu konsep Setuju. Sebelum memasukkan data ke dalam perisian komputer, ketiga-tiga pilihan iaitu Tidak Setuju, Tidak Pasti dan Setuju telah dikodkan terlebih dahulu. Tidak Setuju dikodkan dengan angka 1, Tidak Pasti dengan angka 2 dan Setuju dengan angka 3

3.6 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan mengikut beberapa langkah yang dimulakan dengan penentuan tujuan kajian. Kemudian diikuti pula dengan penetapan objektif kajian, membina instrumen kajian, mentadbir soal selidik kajian (rintis dan sebenar), menemubual sampel kajian dan menganalisis data yang telah dikumpulkan. Langkah-langkah tersebut ditunjukkan dalam bentuk gambarajah seperti di muka surat

CARTA LANGKAH PELAKSANAAN KAJIAN
KEBERKESANAN PELAKSANAAN PUM DI MRSM



Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana berkesannya pelaksanaan PUM di MRSM. Berkesan di sini bermaksud mencapai objektif pelaksanaan yang telah ditetapkan sebelum PUM dilaksanakan. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Untuk mencapai tujuan tersebut sebanyak empat objektif kajian telah ditetapkan. Objektif pertama ialah meninjau kefahaman guru tentang langkah-melaksanakan PUM. Manakala objektif kedua ialah meninjau kebolehan guru melaksanakan PUM mengikut langkah yang disyorkan. Kedua-dua objektif ini diperoleh menerusi Soal Selidik Guru dan temubual Guru. Objektif ketiga ialah meninjau kesediaan pelajar untuk menjalankan aktiviti PUM. Maklum balas daripada pelajar diperolehi melalui Soal Selidik Pelajar serta temubual pelajar. Objektif keempat ialah mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM. Maklum balas terhadap objektif ini diperolehi menerusi Soal Selidik Guru serta temubual guru pembimbing dan pentadbir MRSM berkenaan. Segala dapatan daripada maklum balas tersebut akan dianalisis dan penerangan tentang dapatan kajian adalah berbentuk deskriptif. Hasil daripada analisis tersebut akan dibincangkan dalam Bab empat yang berikut. Pelajar tingkatan empat dipilih kerana mereka dijangkakan boleh memberi respon yang lebih objektif.

Soal selidik yang telah diproses telah menghasilkan jadual-jadual longgokan menunjukkan respon setiap orang peserta ke atas soalan-soalan yang dikemukakan. Untuk meringkaskan jadual ini pengelasan MRSM telah dikumpulkan kepada empat kategori yang berasaskan kepada alasan-alasan tertentu.

- i. MRSM di Bandar - Pengambilan pelajar tingkatan empat
- ii. MRSM di Bandar – Pengambilan pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat.

- iii. MRSM luar bandar - pengambilan pelajar tingkatan empat
- iv. MRSM luar bandar - pengambilan pelajar tingkatan satu dan empat.